

06 MAR 2003

Azalina-Inggeris

PUTERI UMNO BANTU TINGKAT PENGUASAAN BAHASA INGGERIS

MARANG, 6 Mac (Bernama) -- Puteri Umno akan membantu kerajaan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat melalui program English On Wheels (EOW) anjuran pergerakan itu yang dilancarkan oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Ketuanya, Azalina Othman, berkata program itu dapat menanam minat di kalangan rakyat khususnya generasi muda yang selama ini terlalu bersikap negatif terhadap bahasa Inggeris.

Menurut beliau kajian yang dibuat oleh Puteri Umno mendapati, kegagalan generasi muda menguasai bahasa Inggeris disebabkan mereka terlalu negatif walaupun sukatan pendidikan yang disediakan kerajaan di sekolah sudah mencukupi.

"Kita lihat anak muda kita ada ilmu tetapi mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk menguasai bahasa Inggeris sehingga usaha kerajaan meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan terbantut.

"Puteri Umno beranggapan keadaan ini mesti diubah dan kerana itu program EOW dilancarkan," katanya pada majlis pelancaran itu di Kompleks Latihan Telekom, Rusila dekat sini petang ini.

Pada majlis yang dihadiri lebih 3,000 orang itu, ibu pejabat Puteri Umno meminjamkan van EOW kepada Puteri Umno Terengganu selama sebulan bagi menjayakan program itu.

Azalina berkata selain memberi tumpuan terhadap kanak-kanak dan pelajar, Puteri Umno juga sedia memberi khidmat untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan anggota Umno sendiri.

Menurut beliau pemimpin-pemimpin negara seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dihormati di peringkat antarabangsa kerana kemampuan mereka menguasai bahasa Inggeris dengan begitu baik.

"Bukan bermakna kita tidak pentingkan bahasa Melayu tetapi untuk menjadi masyarakat yang maju dan dihormati, kita tidak mempunyai pilihan selain menguasai bahasa Inggeris," katanya.

--BERNAMA

AYB SN MAI